

**TALKING POINT
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI
10 MEI 2018
DI PFI 2, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Negaraku Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Rakan-rakan saya, Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf dan pelajar Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana kita masih lagi diberi peluang oleh Allah Aza Wajalla untuk berkumpul di pagi yang berbahagia ini dalam Progam Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti.
2. Untuk makluman pada pagi ini juga, kita turut disertai oleh pelajar-pelajar tahun akhir, Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu yang menganjurkan Program Health Hack bagi subjek Pengurusan Acara (KUT404).

Hadirin hadirat sekalian,

INFO PSIKOLOGI

TIPS KOMUNIKASI BERKESAN

1. Pada minggu ini, saya akan berkongsi mengenai **Tips Komunikasi Berkesan** yang disediakan Pusat Kaunseling, iKOM.
2. Masalah komunikasi kadangkala menjadi penyebab seseorang sukar untuk menyesuaikan diri dengan suasana baharu misalnya tempat kerja baharu, rakan-rakan sekerja, ketua jabatan dan lain-lain. Masalah komunikasi bukan sahaja memberi kesan kepada kehidupan seharian kita malah jika ia keterlaluan akan menjejaskan pencapaian prestasi dalam kerjaya. Oleh itu, mari kita amalkan beberapa tips agar dapat membantu kita semua untuk berkomunikasi secara berkesan.
3. Tips yang pertama ialah sentiasa berfikiran positif dan terbuka iaitu sentiasa menanamkan sifat bersangka baik terhadap rakan-rakan yang baharu kita kenali kerana mereka akan kita temui setiap hari bekerja. Rakan sekerja ibarat keluarga dengan kita di dalam sesebuah organisasi.
4. Tips yang kedua ialah berusaha mengenali rakan-rakan sekerja seramai yang boleh. Ini kerana dengan mempunyai rakan-rakan yang dikenali, ia dapat membantu memudahkan urusan kerja setiap hari.
5. Ketiga, buang perasaan malu yang tidak bertempat sebaliknya pupuklah keyakinan diri. Kata orang, "malu bertanya sesat jalan". Kadangkala sifat "ekstrovert" amat penting untuk kita memulakan perbualan terlebih dahulu tanpa menunggu orang lain menegur.
6. Seterusnya, belajar menerima orang lain seadanya. "Unconditional positive regards" iaitu menerima tanpa syarat walau ada kelemahan pada orang lain. Sentiasa bersikap rasional, terbuka dan toleransi dengan orang lain.

7. Selain itu, kawal tingkahlaku semasa berkomunikasi dengan orang lain. Jangan terlalu berlebih-lebih dalam berkomunikasi, bergurau keterlaluan, nada suara yang terlalu tinggi atau ketawa keterlaluan. Bimbang akan menyentuh sensitiviti orang lain.
8. **Tips seterusnya ialah tingkatkan kemahiran mendengar** . Kekuatan dalam sesebuah hubungan samada hubungan persahabatan, hubungan suami isteri, hubungan dalam organisasi dan lain-lain adalah kemahiran mendengar yang efektif.
9. Dan yang terakhir ialah **Bersikap arsetif (tegas diri) bagi meluahkan pendapat**. Luahkan pendapat secara jujur dan ikhlas tanpa melukakan perasaan orang lain di samping kita juga perlu sentiasa terbuka dan bersedia menerima teguran dari orang lain.
10. Semoga tips-tips ini dapat kita amalkan agar kita sentiasa seronok dalam melakukan tugas kita dan sama-sama dapat meningkatkan pencapaian organisasi kita.

Hadirin hadirat sekalian,

PRU 14

11. Saya pasti semalam, ramai diantara kita telah menunaikan tanggungjawab mengundi. Terima kasih saya ucapkan atas komitmen yang diberikan. Ini menunjukkan warga UniMAP mempunyai semangat partriotisme yang tinggi dan sayangkan negara.
12. Sebagai penjawat awam, kita perlu bersikap profesional dalam menggalas tanggungjawab sebagai kaki dan tangan kepada kerajaan sedia ada. Apa jua polisi yang diputuskan oleh jemaah menteri, seharusnya disampaikan oleh rakyat dengan sebaik mungkin. Masalah perbezaan ideologi kepartian yang melibatkan pemimpin dengan penjawat awam tidak harus wujud dalam

sistem pentadbiran sehingga menjadi penghalang kepada kejayaan sesebuah dasar negara.

Warga UniMAP yang saya kasihi

PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

PERTANDINGAN BUSINESS PITCHING & PENYAMPAIAN ZAKAT SSM

13. Minggu lalu telah merupakan agak sibuk buat kita semua kerana melibatkan beberapa program yang besar. Salah satu daripadanya Program Keusahawanan 'Business Pitching' dan Majlis Penyampaian Zakat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
14. Program ini merupakan program tajaan sepenuhnya SSM dengan kerjasama JHEPA dan dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Perwakilan pelajar (MPP).
15. Apa yang saya dapat lihat, ***Program Business Pitching*** ini adalah salah satu platform terbaik kepada mahasiswa untuk menyampaikan serta menyalurkan idea keusahawanan di kalangan mahasiswa secara ringkas, padat dan menyakinkan secara langsung di khalayak ramai.
16. Selain itu, SSM turut menyalurkan sumbangan zakat korporat SSM bagi tahun 2017 sebanyak RM30,000. Sumbangan tersebut telah diagihkan kepada 100 pelajar UniMAP dalam Asnaf Fakir dan Miskin berjumlah RM300.00 setiap seorang. Alhamdulillah, semoga lebih banyak lagi syarikat-syarikat menyalurkan sumbangan zakat kepada UniMAP.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

KEJOHANAN WOODBAL PIALA TUANKU CANSELOR UniMAP

17. Program kedua adalah Kejohanan Woodball Piala Tuanku Canselor UniMAP yang berlangsung Pusat Sukan UniMAP.
18. Difahamkan seramai 136 peserta berdaftar je kejohanan itu. Alhamdulillah, pasukan UniMAP berjaya mengekalkan kejuaraan bagi kejohanan kali ini.
19. Majlis Penyampaian hadiah disempurnakan DYTM Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamallulail.

KARNIVAL BANK RAKYAT-A HEART AUTISMLYMPIC 2018

20. Pada hari yang sama turut diadakan Karnival Bank Rakyat-A Heart Autismlympic 2018 di perkarangan Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra mulai jam 9 pagi hingga 5 petang. Ia turut disempurnakan DYTM Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamallulail

Hadirin sekalian,

KARNIVAL KERJAYA NICE III

21. Program terakhir adalah Karnival Kerjaya Northern Industrial Career Engagement (NICE) III anjuran Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan (CIGC) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP.
22. Ia merupakan karnival yang diadakan sejak 2015 sebagai platform terbaik kepada bakal graduan seluruh negeri Perlis dan kawasan berdekatan untuk terus menjalani temuduga terbuka di syarikat-syarikat nasional dan multinasional, pemahaman terhadap industry, keusahawanan, pembangunan

sahsiah serta kemahiran komunikasi berhadapan dengan saingan alam pekerjaan.

23. Saya difahamkan pada NICE3 kali ini, sebanyak 35 syarikat dari pelbagai sektor industri mengambil bahagian. Ini termasuk 18 syarikat terdiri daripada syarikat multinasional (*MNC*).
24. Saya secara peribadi berasa amat gembira kerana turut menerima penyertaan dari syarikat dan industri dari Sarawak. Ini menunjukkan graduan dari UniMAP semakin diterima oleh pihak industri. Alhamdulillah.
25. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada semua jawatankuasa penganjur program-program ini, semoga kejayaan ini terus dikekalkan di masa hadapan.

Hadirin sekalian,

PROGRAM BAKAL BERLANGSUNG

ITEX 2018

26. Untuk makluman semua, pada hari seramai 16 penyelidik UniMAP akan bertolak ke Pusta Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bagi menyertai International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2018).
27. Seperti yang kita sedia maklum, setiap tahun UniMAP meraih kejayaan yang memberangsangkan. Justeru itu besarlah harapan saya, untuk melihat para penyelidik UniMAP membawa pulang kejayaan 100 peratus pada ITEX kali ini.
28. Saya percaya dan yakin dengan kelebihan yang dimiliki oleh para penyelidik UniMAP, kita bakal meraih kejayaan yang cemerlang sekaligus menyerlahkan keterlihatan antarabangsa UniMAP dimana kita bukan sahaja

dikenali di peringkat kebangsaan malahan di peringkat antarabangsa. InsyaAllah.

Hadirin sekalian,

HEALTH HACK

29. Berbalik kepada Program *Health Hack* kita pada pagi ini, saya difahamkan ia merupakan program kesihatan bertujuan bagi memberi kesedaran kepada warga UniMAP tentang kepentingan aktiviti senaman dan aktiviti kecergasan dalam menjaga kesihatan seharian dan tidak hanya bergantung kepada diet semata-mata.
30. Pendekatan sebegini amatlah baik kerana disamping memberikan pengalaman kepada pelajar tentang cara menguruskan majlis, ia juga dapat mendidik warga UniMAP dalam menjaga kesihatan.
31. Tahniah diucapkan kepada semua pelajar yang telah bertungkus lumus menganjurkan program ini. Tidak dilupakan juga kepada penyelia program, Dr. Hanum Hassan. Semoga pengajuran program seperti ini akan ditambah baik pada masa akan datang.

PENUTUP

32. Saya rasa cukup sahaja sampai di sini ini. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua. ***Dengan Lafaz Bismillahirrahmannirrahim, Saya merasmikan Program Health Hack UniMAP.***

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.